

UniSZA pameran produk, seni reka pelajar tahun akhir

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

Putrajaya

Pameran EXCEED V Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), di ruang legar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di sini, menonjolkan bakat pelajar universiti itu dalam menghasilkan produk dan seni reka yang mampu memberi daya saing serta nilai tambah di pasaran.

Pengarah program, Muhammad Hakim Saffeen, berkata sebanyak 58 hasil projek tahun akhir pelajar Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian diketengahkan dalam pameran tiga hari itu merangkumi kategori perabot, pengangkutan, produk dan pembungkusan.

Beliau berkata, maklum balas diterima daripada pengunjung adalah memberangsangkan, antara lain, memuji hasil seni reka yang praktikal dan unik selain mampu memenuhi keperluan pasaran tempatan serta antarabangsa.

Curi perhatian

"Sambutan pengunjung menggalakkan, malah ramai tokoh akademik mengunjung pameran ini kerana berlangsung serentak dengan beberapa acara dan seminar pengajian tinggi di KPT.

"Kebanyakan pengunjung terkejut apabila mengetahui produk

dihasilkan adalah hasil kerja individu, bukan kumpulan. Mereka menggalakkan kami mengkomersialkan hasil projek akhir ini dan ada juga yang memberi maklum balas bagi menambah baik rekaan dihasilkan" katanya.

Rak kasut dihasilkan oleh Nurul Fatimah Abdul Dillah antara rekaan perabot mencuri perhatian pengunjung kerana ciri praktikal ditonjolkan iaitu bukan sahaja untuk tujuan penyimpanan kasut tetapi turut dilengkapi dengan ruang menyimpan kunci atau stokin serta tempat duduk.

"Rak kasut mempunyai tiga fungsi ini lebih mesra pengguna dan menjimatkan masa selain saiznya yang sederhana serta tidak memerlukan ruang besar untuk ditempatkan di kediaman.

"Rak kasut dihasilkan ini direka mengikut keperluan kediaman dengan lima penghuni yang boleh memuatkan kira-kira 12 pasang kasut dan 18 stokin," katanya.

Sementara itu, Mohamad Zulhamizan Mohamad Yusof, menghasilkan rekaan bot yang lebih stabil dan luas, dinamakan sebagai Helang Merah bagi memudahkan misi menyelamat dilaksanakan.

Katanya, konsep Catamaran diterapkan dalam penghasilan rekaan



Mohamad Zulhamizan menghasilkan rekaan bot penyelamat yang lebih luas dan stabil.

bot penyelamat itu kerana mampu menjadikan kenderaan itu lebih stabil dan laju apabila meluncur di permukaan air yang berombak.

Beliau berkata, ruang lebih luas di bahagian depan dan belakang bot itu pula mampu menampung hingga 10 penumpang.



Sebahagian daripada pelajar UniSZA yang menjayakan pameran EXCEED V di KPT, Putrajaya.

PROGRAM DI IPT

Karnival Pendidikan-Tinggi Negara 2016

Zon 1 (Utara):
Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak
Tarikh: 30 – 31 Januari
Lokasi: Pekarangan Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah

Zon 2 (Pantai Timur):
Terengganu, Kelantan, Pahang
Tarikh: 13 – 14 Februari
Lokasi: Dataran DABS, Kampus Gong Badak, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu

Zon 3 (Selatan):
Johor, Melaka
Tarikh: 20 – 21 Februari
Lokasi: Persada, Johor Bahru, Johor

Zon 4 (Sabah):
Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan
Tarikh: 5 – 6 Mac
Lokasi: One Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, Sabah

Zon 5: Sarawak
Tarikh: 19 – 20 Mac
Lokasi: Pullman Hotel & Hill Shopping Mall, Kuching, Sarawak

Zon 6 (Tengah):
Selangor, Perak (Selatan), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan
Tarikh: 2 – 3 April
Lokasi: Dataran Gemilang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
Hubungi:
03-88706767/6777 atau layari laman web <http://upu.mohe.gov.my>